

Mengoptimumkan Prestasi Organisasi: Kepentingan Pengurusan Tekanan dalam kalangan Pekerja di Sektor Awam

Yuslinda Mat Yassin

Nurul Atiqah Mohd Azlan

Muhammad Fadhlir Abdul Rahman*

Melina Mahpuz

Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Nur Aini Natasya binti Shahrin

Avisena Healthcare Sdn Bhd, Malaysia

*Emel perhubungan: fadhlirahman@uitm.edu.my

Abstrak

Kajian lalu telah membuktikan kesan buruk tekanan di tempat kerja terhadap kesejahteraan diri pekerja dan hasil organisasi namun masih terdapat jurang dalam memahami strategi dan intervensi khusus yang diperlukan untuk pengurusan tekanan yang berkesan dalam kalangan pekerja untuk meningkatkan prestasi organisasi. Kajian ini melihat kepentingan pengurusan tekanan dalam kalangan pekerja di sektor awam serta mengenal pasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi tahap tekanan pekerja dan kesannya terhadap hasil organisasi di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK). Model teori kajian ini berdasarkan Model Transaksional (Penilaian Kognitif) oleh Lazarus & Folkman (1984). Untuk menjawab soalan penyelidikan, tiga objektif telah dirumuskan: pertama, untuk menilai pemahaman pekerja tentang kepentingan pengurusan tekanan di tempat kerja dalam meningkatkan prestasi organisasi; kedua, untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada tekanan di tempat kerja; dan ketiga, untuk menilai pengaruh pengurusan tekanan pekerja terhadap prestasi organisasi. Soal selidik telah diedarkan kepada pekerja di SUK, Shah Alam dan sebanyak 128 kakitangan memberikan maklum balas terhadap kajian ini. Seterusnya, statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data. Penemuan menunjukkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan peserta mengenai kepentingan mengurus tekanan di tempat kerja. Selain itu, kajian ini mendedahkan bahawa amalan pengurusan yang lemah adalah penyumbang utama kepada tekanan di tempat kerja. Akhir sekali, pekerja percaya bahawa pengurusan tekanan yang berkesan akan meningkatkan prestasi organisasi. Kajian ini telah memberikan input yang berguna kepada ahli akademik dan pihak pengurusan organisasi awam tentang pengurusan tekanan di tempat kerja dan kesannya terhadap prestasi organisasi. Hasil kajian diharap menambah pengetahuan dan kefahaman baharu dalam kalangan pengurus organisasi di sektor awam.

Kata Kunci: Tekanan, Pengurusan Tekanan di Tempat Kerja, Prestasi Organisasi, Pekerja Sektor Awam, Sektor Awam